

SOALAN LAZIM (FAQ)

JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JTICT) GERAN PENYELIDIKAN JABATAN PENGURUSAN PENYELIDIKAN (JPP) UNIVERSITI MALAYA

1. Siapakah yang perlu mengemukakan permohonan?

Jawapan:

Pemilik projek yang memiliki Geran Penyelidikan dan ingin membuat perolehan yang melibatkan komponen ICT (rujuk senarai semak Perolehan Yang Memerlukan Kelulusan JTICT).

2. Berapa lama **tempoh sah laku kelulusan** bagi membolehkan proses perolehan dilaksanakan dan adakah pemohon boleh mengemukakan **permohonan pelanjutan** selepas tempoh sah laku kelulusan tamat?

Jawapan:

Sah laku kelulusan adalah selama **satu (1) tahun** dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Pelanjutan tempoh sah laku kelulusan boleh **dipertimbangkan bagi kes-kes khas sahaja**. Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan rasmi kepada Urus Setia JTICT sebelum tempoh sah laku kelulusan tamat, berserta justifikasi yang lengkap untuk pertimbangan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT).

3. Adakah pemohon perlu mengemukakan permohonan baharu sekiranya terdapat perubahan harga, sama ada meningkat atau menurun?

Jawapan:

Pemohon tidak perlu mengemukakan permohonan baharu.

Walau bagaimanapun, pemohon hendaklah memaklumkan secara rasmi kepada Urus Setia JTICT melalui e-mel jtict_research@um.edu.my berkenaan sebarang perubahan yang terlibat, berserta justifikasi bagi perubahan tersebut.

4. Adakah pemohon perlu mengemukakan permohonan baharu sekiranya terdapat perubahan spesifikasi tetapi tiada perubahan harga?

Jawapan:

Pemohon tidak perlu mengemukakan permohonan baharu.

Walau bagaimanapun, pemohon hendaklah memaklumkan secara rasmi kepada Urus Setia JTICT melalui e-mel di jtict_research@um.edu.my berkenaan sebarang perubahan yang terlibat, berserta justifikasi bagi perubahan tersebut.

5. Adakah pemohon perlu mengemukakan permohonan baharu sekiranya terdapat perubahan pada spesifikasi dan harga?

Jawapan:

Pemohon tidak perlu mengemukakan permohonan baharu.

Walau bagaimanapun, pemohon hendaklah memaklumkan secara rasmi kepada Urus Setia JTICT melalui e-mel di jtict_research@um.edu.my berkenaan sebarang perubahan yang terlibat, berserta justifikasi bagi perubahan tersebut.

6. Berapakah tempoh pemantauan bagi permohonan yang telah diluluskan?

Jawapan:

Pemantauan akan dilaksanakan setiap enam (6) bulan. Pemohon hendaklah melaporkan status kemajuan projek pada setiap enam (6) bulan melalui platform pelaporan yang dimaklumkan seperti didalam surat kelulusan.

7. Bilakah kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) diadakan?

Jawapan:

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) diadakan sekali setiap bulan sekali, sila rujuk [Takwim Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT \(JTICT\) Geran Penyelidikan 2026](#).

8. Bilakah surat kelulusan akan dikeluarkan selepas permohonan dikemukakan?

Jawapan:

Surat kelulusan akan dikeluarkan selepas permohonan selesai dipertimbangkan dan mendapat keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT). Sila rujuk [Takwim Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT \(JTICT\) Geran Penyelidikan 2026](#).

9. Bagaimanakah keputusan permohonan dimaklumkan?

Jawapan:

Keputusan Mesyuarat JTICT akan dimaklumkan kepada pemohon melalui emel.